

Malaysia boleh latih pakar: PM

Oleh JAILANI HARUN

SHAH ALAM, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Malaysia tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada pakar asing kerana ia mempunyai tenaga yang boleh dilatih dalam semua bidang kepakaran.

Schubunegon itu, katanya, kerajaan akan menimbang menambah peruntukan kepada Institut Piawinn dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) bagi melatih lebih ramai pakar untuk membolehkannya meningkatkan penyelidikan dalam pelbagai bidang industri.

"Kita akan mengambil lebih ramai graduan yang layak untuk mengisi jawatan yang perlu di Sirim. Bagaimanapun, mereka akan diberi latihan mencukupi, dan kita boleh mewujudkan jawatan yang difikirkan sesuai," katanya.

Katanya, selain Sirim, kerajaan dan semua pihak, juga terbabit secara menyeluruh dalam apa jua penyelidikan, sejajar dengan proses perindustrian negara.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Sirim di sini hari ini, beliau berkata semua institusi dan industri perlu menjalankan penyelidikan dari semasa ke semasa mengenai cara baru meningkatkan pengeluaran dan mutu barangan.

"Kita juga perlu tahu mengenai hasil kajian dan penyelidikan seumpama ini, supaya kita tidak mengulangi kesilapan yang dibuat oleh orang lain.

"Penekanan kepada usaha penyelidikan amat penting kerana kita tidak mampu melakukan sebarang kesilapan, kerana kecuaiannya boleh membabitkan masa dan wang yang banyak," katanya.

Mengenai lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, banyak perubahan dilihat sele-

pas beliau melawat Sirim pada 1981. Ini adalah lawatannya yang ketiga ke Sirim.

"Saya puas hati dengan pencapaian Sirim. Kejayaannya membuka syarikat industri kecil, khususnya di bidang barangan logam, amatlah baik kerana pasaran bagi hasil ini amatlah luas," katanya.

Tujuan lawatan itu juga, katanya, adalah untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai hasil semua penyelidikan mengenai industri di negara ini.

Perdana Menteri juga memuji kemampuan Sirim memenuhi beberapa bidang penyelidikan, walaupun ia tidaklah meluas.

Ditanya mengenai perlu atau tidak Akta Sirim dipinda, beliau berkata, ia akan dikaji apabila perlu.

Pengswastaan

Beliau juga berkata kerajaan menggalakkan semua industri menjalankan penyelidikan sendiri, dan bantuan boleh diberi jika mereka menghadapi kesulitan.

Mengenai pengswastaan Sirim, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia adalah satu proses yang boleh ditentukan sendiri oleh Sirim.

"Ia boleh dibuat, tetapi kita perlu mengka-jinya secara terperinci untuk mengelakkan syarikat kecil menanggung kerugian," katanya.

Turut menyertai lawatan itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong; Menteri Besar Selangor, Tan Sri Mohamad Haji Mohd Taib dan Ketua Setiausaha Kementerian merangkap Pengerusi Majlis Sirim, Encik Nordin Hassan.

Taklimat disampaikan oleh Pengawal Sirim, Dr Ahmad Tajuddin Ali.